

# TERENGGANU HARAM VAPE

## ■ Negeri kelima sekat rokok elektronik

~~Harian Metro~~  
Harian Metro  
31/12/20  
15 31

Oleh Baharom Bakar  
am@metro.com.my  
Kuala Terengganu

Selepas Johor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka, Terengganu menjadi negeri kelima yang mengharamkan penggunaan rokok elektronik atau vape.

Keputusan sebulat suara itu dibuat hasil Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Kali Keempat yang bersidang kelmarin selepas berpendapat bahawa penggunaan alat itu adalah haram pada pandangan Islam berasaskan dalil serta hujah sama ada daripada al-Quran atau hadis.

Mufti Terengganu Datuk Dr Zulkifly Muda berkata, penggunaan alat berkenaan bukan hanya mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan, malah mengundang pembaziran ketika umat Islam perlu mengukuhkan ekonomi pada za-

man yang serba mencabar.

“Mesyuarat khas jawatankuasa memutuskan bahawa penggunaan vape sama ada bernikotin atau sebaliknya adalah haram.

“Antara hujah pengharaman penggunaan vape disebabkan peralatan itu mempunyai unsur pembaziran, memudaratkan kesihatan dan termasuk dalam perkara jijik,” katanya.

Menurutnya, Jabatan Mufti Negeri sedih dengan perkembangan penggunaan rokok baru itu apabila didapati semakin berleluasa bukan hanya membabitkan orang dewasa, tetapi dalam kalangan remaja, kanak-kanak dan wanita.

“Penggunaannya juga didapati merendahkan moral daripada sudut lahiriah penggunaannya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 22 Disember lalu memutuskan bahawa penggunaan vape

adalah haram dan Pengurusinya, Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin dilaporkan berkata, jawatankuasa bersetuju dengan memberi pandangan hukum bahawa penggunaan vape adalah haram. Keputusan itu dibuat selepas membuat pertimbangan dari semua sudut termasuk syariah, perubatan, saintifik serta unsur pembaziran dan budaya tidak sihat.

Dr Zulkifly berkata, pihak berkuasa termasuk di peringkat akar umbi perlu berganding bahu untuk membasmi penggunaan vape.

“Cara pendidikan boleh jadi jawapan terbaik dalam mengatasi masalah penggunaan alat itu tetapi perlu diingat bahawa umat Islam tidak perlu bergantung selamanya kepada pendidikan, sebaliknya perlu ada langkah oleh pihak berkuasa di semua peringkat bagi membasmi penggunaannya,” katanya.